

**TEKS UCAPAN
YBHG DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**KEJOHANAN GOLF PIALA PRESIDEN
ANGKASA KALI KE 3**

**3 NOVEMBER 2024 (AHAD)
12.00 TENGAHARI
SEREMBAN INTERNATIONAL GOLF CLUB
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh,
Salam Malaysia Madani, dan Salam Koperasi.
(SALUTASI OLEH PENGANJUR)

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Kejohanan Golf Piala Presiden ANGKASA Ke-3.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Sembilan, khususnya Dato' Haji Ibrahim Haji Abdullah, atas usaha gigih dan dedikasi dalam menjayakan kejohanan golf ini. Syabas juga diucapkan kepada semua peserta yang mengambil bahagian dan memeriahkan pertandingan pada tahun ini.

Para hadirin hadirat yang dihormati,

3. Sukan golf yang dianjurkan merupakan peluang terbaik untuk kita semua mengeratkan ukhwah dan memupuk semangat persahabatan dalam suasana yang santai. Acara seperti ini meyediakan platform bagi anggota koperasi dan pihak berkepentingan bertemu dan berkongsi pandangan, sekali gus mengukuhkan hubungan antara organisasi.
4. Saya percaya bahawa melalui program seperti ini, lebih banyak peluang kerjasama dan jalinan ‘networking’ dapat diwujudkan. Usaha kita untuk meningkatkan keterlibatan koperasi dalam pelbagai sektor, termasuk perniagaan

berimpak tinggi, dapat diperkasakan lagi melalui semangat kesukanan dan hubungan yang terjalin dalam acara seperti ini.

5. Sebagai badan puncak ANGKASA komited dalam memperkasa koperasi di Negeri Sembilan melalui pelbagai inisiatif yang menyokong perkembangan koperasi dalam sektor strategik dan berimpak tinggi.
6. Kerajaan Negeri Sembilan telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi bagi negeri ini berkembang dalam tempoh 2021 hingga 2025 sebanyak 4.5% peratus setahun secara purata. Saya mengesyorkan JPAN dan koperasi bersama melihat bagaimana kita dapat bersama menyumbang kepada angka ini. Jika dilihat kenyataan Menteri Besar antara langkah akan diambil tahun ini antaranya mengembalikan momentum peralihan struktur ekonomi melalui pembangunan industri berimpak tinggi termasuk aeroangkasa, maritim dan industri halal.

7. Saya percaya sebagai institusi koperasi kita dapat memberi sumbangan yang baik menerusi industri Halal ini melalui Koperasi Kariah Masjid yang ada di Negeri Sembilan. Potensi Halal ini cukup besar di mana jangkaan pada tahun 2030 segmen ini berkembang ke nilai RM500.4 Bilion.
8. Oleh itu, koperasi di Negeri Sembilan perlu mengambil peluang dalam segmen halal ini, bukan hanya dalam sektor makanan tetapi juga dalam sektor yang lainnya perkhidmatan, produk kecantikan, dan peruncitan. ANGKASA akan terus menyokong inisiatif ini dengan memperluas jaringan bukan sahaja di peringkat tempatan malah ke luar negara melalui jaringan ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan juga International Cooperative Alliance Asia dan Pasifik (ICA-AP) dalam jangka masa akan datang. Diharapkan koperasi di negeri ini bersedia untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam pasaran halal.

Para hadirin hadirat yang dihormati,

9. Selain fokus kepada pembangunan perniagaan, adalah penting juga kita menyumbang kepada agenda pembangunan negara melalui aktiviti kesukuanan. Sukan seperti golf mengajar kita tentang disiplin dan ketahanan yang sangat diperlukan dalam memajukan organisasi dan gerakan koperasi kita.
10. ANGKASA juga amat prihatin terhadap isu kesihatan dalam kalangan ahli koperasi. Aktiviti seperti kejohanan golf ini memberi ruang untuk kita mengekalkan gaya hidup aktif dan sihat, memastikan produktiviti dan kualiti kerja kita berada pada tahap terbaik.
11. Saya berharap agar kejohanan ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan saya yakin melalui acara seperti ini, kita mampu mencungkil bakat-bakat baharu yang berpotensi mengharumkan bukan sahaja nama koperasi masing-masing malah mungkin di peringkat negeri maupun negara.

12. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada semua pemenang pada hari ini. Semoga kemenangan ini akan menjadi inspirasi dan semangat kepada kita semua untuk terus maju. Saya juga berharap agar kita terus memberi penekanan kepada kesejahteraan fizikal, mental, dan kesatuan dalam gerakan koperasi. Saya dengan ini merasmikan **KEJOHANAN GOLF PIALA PRESIDEN ANGKASA KALI KE 3**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.